

4.5 MPK BAHAGIAN DASAR, PERUNDANGAN DAN KOMUNIKASI STRATEGIK**4.5.1 PENGURUSAN KHIDMAT NASIHAT PERUNDANGAN****4.5.1.1 Penyediaan Pandangan Undang-Undang****a. Proses Kerja Penyediaan Pandangan Undang-Undang**


JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
PI BDPKS	• Menerima arahan daripada KPI/TKPI untuk menyediakan pandangan undang-undang sesuatu isu. • Mengemukakan pandangan untuk semakan KPI/TKPI dalam masa 14 hari dari tarikh dokumen lengkap diperolehi. • Memberi arahan untuk membuka fail. Atau • Memberi arahan untuk menyediakan pandangan undang-undang berdasarkan inisiatif sendiri. • Mengemukakan pandangan untuk semakan KPI/TKPI dalam masa 14 hari dari tarikh dokumen lengkap diperolehi. • Memberi arahan untuk membuka fail.	
PT	• Membuka fail pandangan undang-undang dalam masa 30 minit dari arahan diberikan mengikut kategori berikut: (i) Kebankrapan; (ii) Penggulangan Syarikat; (iii) Pertubuhan; (iv) Kesatuan Sekerja; dan (v) Am. • Mengemukakan fail pandangan undang-undang kepada PKPI/PPI yang berkenaan berdasarkan nombor daftar fail iaitu nombor genap dan nombor ganjil.	
PKPI/PPI	• Mengenal pasti isu perundangan yang dikemukakan dalam masa 3 hari dari tarikh fail diterima. • Memberi arahan untuk mendapatkan maklumat/dokumen yang lengkap.	
KU/PI	• Memulakan tindakan untuk mendapatkan dan mengumpul maklumat/dokumen yang berkaitan dalam masa 3 jam dari arahan diterima.	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
	Mengemukakan fail bersama maklumat/dokumen yang lengkap diperolehi kepada PKPI/PPI BDPKS dalam masa 3 jam dari maklumat/dokumen lengkap diperolehi.	
PKPI/PPI	- Menyediakan draf pertama pandangan undang-undang dalam masa 7 hari setelah maklumat/dokumen lengkap diperolehi. - Mengemukakan draf pertama pandangan undang-undang kepada PI BDPKS untuk semakan.	
PI BDPKS	- Menyemak draf pertama pandangan undang-undang yang dikemukakan oleh PKPI/PPI dalam masa 3 hari dari tarikh draf pertama dikemukakan. - Mengemukakan draf pertama pandangan undang-undang kepada TKPI untuk semakan.	
TKPI	Menyemak dan memberi ulasan draf pertama pandangan undang-undang yang dikemukakan oleh PI BDPKS dalam masa 3 hari dari tarikh draf pertama dikemukakan.	
PI BDPKS	Mengemukakan draf pertama pandangan undang-undang untuk semakan KPI dalam masa 1 hari dari tarikh terima ulasan TKPI.	
KPI	- Menyemak draf pandangan undang-undang yang dikemukakan oleh PI BDPKS dalam masa 3 hari dari tarikh draf dikemukakan. - Memberi arahan untuk menyediakan kajian lanjut jika perlu.	
PKPI/PPI	- Menjalankan kajian lanjut berdasarkan ulasan KPI. - Memberi arahan untuk mendapatkan maklumat/dokumen tambahan.	
KU/PI	Memulakan tindakan untuk mendapatkan dan mengumpul maklumat/dokumen tambahan dalam masa 3 jam dari arahan diterima.	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
	Mengemukakan fail bersama maklumat/dokumen tambahan yang lengkap diperolehi kepada PI BDPKS/PKPI/PPI dalam masa 3 jam dari maklumat/dokumen tambahan lengkap diperolehi.	
PKPI/PPI	- Menyediakan kajian lanjut dalam masa 3 hari dari tarikh maklumat/dokumen tambahan lanjut diperolehi. - Mengemukakan draf kajian lanjut kepada PI BDPKS untuk semakan.	
PI BDPKS	- Menyemak kajian lanjut yang dikemukakan oleh PKPI/PPI dalam masa 3 hari dari tarikh kajian lanjut dikemukakan oleh PKPI/PPI. - Mengemukakan kajian lanjut untuk semakan KPI.	
KPI	Menyemak dan meluluskan pandangan undang-undang lanjut yang dikemukakan dalam masa 3 hari dari tarikh pandangan undang-undang lanjut dikemukakan.	
KU/PI	- Mengedit pandangan undang-undang yang diluluskan dalam masa 3 hari dari tarikh pandangan undang-undang diluluskan (sekiranya ada). - Kemukakan pandangan undang-undang yang telah diedit untuk kelulusan PI BDPKS.	
PI BDPKS	Menyemak dan meluluskan pandangan undang-undang yang telah diedit oleh KU/PI dalam masa 2 hari dari tarikh pandangan undang-undang diedit dikemukakan.	
KU/PI	Mengemukakan pandangan undang-undang yang telah diluluskan ke BTM untuk dimuat naik ke dalam sistem Intranet Mdl.	
PT	Mengemaskini dan menyimpan dokumen pandangan undang-undang ke dalam fail dalam masa 30 minit dari arahan diberikan.	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
	Menyerahkan fail kepada PKPI/PPI setelah tindakan dibuat.	
PKPI/PPI	Mengemukakan permohonan untuk menutup fail dalam masa 1 hari dari fail diterima.	
PI BDPKS	Mengarahkan fail ditutup dalam masa 5 hari dari tarikh permohonan tutup fail.	
PT	Menutup dan menyimpan fail dalam masa 30 minit dari arahan diberikan.	

b. Carta Aliran Kerja Penyediaan Pandangan Undang-Undang



4.5.1.2 Penyediaan Kajian Undang-Undang


a. Proses Kerja Penyediaan Kajian Undang-Undang

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
PI BDPKS	• Menerima arahan daripada KPI/TKPI untuk membuat kajian sesuatu isu. • Memberi arahan untuk membuka fail. Atau • Memberi arahan untuk membuat kajian sesuatu isu berdasarkan inisiatif sendiri. • Memberi arahan untuk membuka fail. • Memastikan kajian undang-undang disediakan sebelum/dalam tempoh 3 bulan dari tarikh dokumen lengkap diperolehi.	
PT	• Membuka fail kajian undang-undang dalam masa 30 minit dari arahan diberikan mengikut kategori berikut: (i) Kebankrapan; (ii) Penggulangan Syarikat; (iii) Pertubuhan; (iv) Kesatuan Sekerja; dan (v) Am. • Mengemukakan fail kajian kepada PKPI/PPI yang berkenaan berdasarkan nombor daftar fail iaitu nombor genap dan nombor ganjil.	
PKPI/PPI	• Mengenal pasti isu perundangan yang dikemukakan. • Memberi arahan untuk mendapatkan maklumat/dokumen yang lengkap dalam masa 3 hari dari tarikh fail diterima.	
KU/PI	• Mendapatkan dan mengumpul maklumat/dokumen yang berkaitan dalam masa 14 hari dari tarikh arahan diterima. • Mengemukakan fail bersama maklumat/dokumen yang lengkap diperolehi kepada PKPI/PPI.	
PKPI/PPI	• Menyediakan draf pertama kajian dalam masa 44 hari setelah maklumat/dokumen lengkap diperolehi.	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
	Mengemukakan draf pertama kajian kepada PI BDPKS untuk semakan.	
PI BDPKS	- Menyemak draf pertama kajian yang dikemukakan oleh PKPI/PPI dalam masa 10 hari dari tarikh draf pertama kajian dikemukakan. - Memberi arahan untuk menjalankan kajian lanjut.	
PKPI/PPI	- Menjalankan kajian lanjut berdasarkan ulasan PI BDPKS dalam masa 14 hari dari tarikh arahan diterima. - Mengemukakan kajian lanjut untuk semakan PI BDPKS.	
PI BDPKS	- Menyemak kajian lanjut yang dikemukakan dalam masa 7 hari dari tarikh kajian lanjut diterima. - Mengemukakan draf kajian untuk semakan TKPI.	
TKPI	Menyemak dan memberi ulasan terhadap draf pertama kajian yang dikemukakan oleh PI BDPKS dalam masa 14 hari dari tarikh draf dikemukakan.	
PI BDPKS	Mengemukakan draf pertama kajian untuk semakan KPI dalam masa 1 hari dari tarikh ulasan TKPI diterima.	
KPI	- Menyemak draf kajian undang-undang yang disediakan oleh PI BDPKS dalam masa 14 hari dari tarikh draf dikemukakan. - Memberi arahan untuk membuat kajian lanjut jika perlu.	
PKPI/PPI	- Menjalankan kajian lanjut terhadap draf kajian berdasarkan ulasan KPI. - Memberi arahan untuk mendapatkan maklumat/dokumen tambahan.	
KU/PI	- Mendapatkan maklumat/dokumen lanjut bagi melengkapkan kajian dalam masa 7 hari dari arahan diterima. - Mengemukakan fail bersama maklumat/dokumen lanjut diperolehi kepada PKPI/PPI.	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
PKPI/PPI	- Menyediakan draf kajian lanjut dalam masa 7 hari dari tarikh maklumat/ dokumen lanjut diperolehi. - Mengemukakan draf kajian lanjut kepada PI BDPKS untuk semakan.	
PI BDPKS	- Menyemak kajian lanjut yang dikemukakan dalam masa 7 hari dari tarikh kajian lanjut diterima. - Mengemukakan draf kajian untuk semakan KPI.	
KPI	Menyemak dan meluluskan kajian yang dijalankan dalam masa 14 hari dari tarikh kajian lanjut yang dikemukakan.	
KU/PI	Mengemukakan kajian yang telah diedit untuk kelulusan PI BDPKS dalam masa 3 hari dari tarikh kajian diluluskan (sekiranya ada).	
PI BDPKS	Menyemak dan meluluskan kajian yang telah diedit oleh KU/PI dalam masa 2 hari dari tarikh kajian diedit dikemukakan.	
PT	- Mengemas kini dan menyimpan dokumen kajian ke dalam fail atas arahan dalam masa 30 minit dari arahan diberikan. - Menyerahkan fail kepada PKPI/PPI setelah tindakan dibuat.	
PKPI/PPI	Mengemukakan permohonan untuk menutup fail dalam masa 1 hari dari fail diterima.	
PI BDPKS	Mengarahkan fail ditutup dalam masa 5 hari dari tarikh permohonan tutup fail.	
PT	Menutup dan menyimpan fail dalam masa 30 minit dari arahan diberikan.	

b. Carta Aliran Kerja Penyediaan Kajian Undang-Undang



4.5.1.3 Semakan Dokumen Undang-Undang (Isu Kompleks)


a. Proses Kerja Semakan Dokumen Undang-Undang (Isu Kompleks)

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
Bahagian/ Cawangan	Mengemukakan perjanjian/dokumen undang-undang untuk arahan KPI/TKPI.	
KPI/TKPI	Memberi arahan untuk menyemak perjanjian/dokumen undang-undang.	
PI BDPKS	- Menerima tugas untuk menyemak perjanjian/dokumen undang-undang. - Mengemukakan perjanjian/dokumen untuk kelulusan KPI dalam masa 6 minggu dari arahan diberikan.	
PT	- Mendaftar dan membuka fail semakan dokumen dalam masa 30 minit dari arahan diterima. - Mengemukakan fail semakan dokumen kepada PKPI/PPI yang berkenaan berdasarkan nombor daftar fail iaitu nombor genap dan nombor ganjil.	
PKPI/PPI	Memberi arahan untuk mendapatkan maklumat/dokumen yang lengkap dalam masa 3 jam dari fail diterima.	
KU/PI	- Mengumpul maklumat/dokumen-dokumen yang berkaitan dalam masa 3 hari dari arahan diterima. - Mengemukakan fail bersama maklumat/dokumen yang dikumpul kepada PKPI/PPI.	
PKPI/PPI	- Menyemak dan membuat ulasan pertama dalam masa 7 hari selepas dokumen lengkap diperolehi. - Mengemukakan draf pertama semakan perjanjian/dokumen kepada PI BDPKS untuk ulasan.	
PI BDPKS	- Menyemak dan memberi ulasan ke atas draf perjanjian/dokumen yang disediakan dalam masa 5 hari dari tarikh draf dokumen diterima. - Mengemukakan draf perjanjian/dokumen yang telah disemak beserta ulasan kepada TKPI.	
TKPI	Menyemak dan memberi ulasan terhadap draf perjanjian/dokumen yang	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
	dikemukakan oleh PI BDPKS dalam masa 7 hari dari tarikh draf dokumen diterima.	
PI BDPKS	Mengemukakan draf perjanjian/dokumen untuk kelulusan KPI dalam masa 1 hari dari ulasan diterima.	
KPI	- Menyemak draf perjanjian/dokumen yang disediakan oleh PI BDPKS dalam masa 7 hari dari tarikh draf perjanjian/dokumen dikemukakan. - Memberi arahan untuk menyediakan ulasan tambahan jika perlu.	
PKPI/PPI	Memberi arahan untuk mendapatkan maklumat/dokumen tambahan dalam masa 3 jam dari arahan diterima.	
KU/PI	- Mengumpul maklumat/dokumen-dokumen yang berkaitan dalam masa 2 hari dari arahan diberikan. - Mengemukakan fail bersama maklumat/dokumen yang dikumpul kepada PKPI/PPI.	
PKPI/PPI	- Membuat pindaan ke atas draf perjanjian/dokumen dalam masa 4 hari dari fail diterima. - Mengemukakan draf terpinda untuk semakan PI BDPKS.	
PI BDPKS	- Menyemak pindaan perjanjian/dokumen yang dikemukakan oleh PKPI/PPI dalam masa 3 hari dari tarikh draf dikemukakan. - Mengemukakan pindaan draf perjanjian/dokumen kepada KPI.	
KPI	Menyemak dan meluluskan draf perjanjian/dokumen yang dikemukakan oleh PI BDPKS dalam masa 3 hari dari tarikh pindaan draf perjanjian/dokumen dikemukakan.	
PT	- Mengemas kini dan menyimpan perjanjian/dokumen yang disemak ke dalam fail dalam masa 30 minit setelah diarahkan. - Menyerahkan fail kepada PKPI/PPI setelah tindakan dibuat.	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
PKPI/PPI	Mengemukakan permohonan untuk menutup fail dalam masa 1 hari dari fail diterima.	
PI BDPKS	Mengarahkan fail ditutup dalam masa 5 hari dari tarikh permohonan tutup fail.	
PT	Menutup dan menyimpan fail dalam masa 30 minit dari arahan diterima.	

b. Carta Aliran Kerja Semakan Dokumen Undang-Undang (Isu Kompleks)




4.5.1.4 Semakan Dokumen Undang-Undang (Isu Tidak Kompleks)

a. Proses Kerja Semakan Dokumen Undang-Undang (Isu Tidak Kompleks)

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
Bahagian/ Cawangan	Mengemukakan perjanjian/dokumen undang-undang untuk arahan.	
KPI/TKPI	Memberi arahan untuk menyemak dan meluluskan perjanjian/dokumen undang-undang.	
PI BDPKS	- Menerima tugas untuk menyemak dan meluluskan perjanjian/dokumen undang-undang. - Meluluskan perjanjian/dokumen dalam masa 30 hari dari arahan diberikan.	
PT	- Mendaftar dan membuka fail semakan dokumen dalam masa 30 minit dari arahan diterima. - Mengemukakan fail semakan dokumen kepada PKPI/PPI yang berkenaan berdasarkan nombor daftar fail iaitu nombor genap dan nombor ganjil.	
PKPI/PPI	Memberi arahan untuk mendapatkan maklumat/dokumen yang lengkap dalam masa 3 jam dari fail diterima.	
KU/PI	- Mengumpul maklumat/dokumen-dokumen yang berkaitan dalam masa 3 hari dari arahan diterima. - Mengemukakan fail bersama maklumat yang dikumpul kepada PKPI/PPI yang berkenaan.	
PKPI/PPI/ KU/PI	- Menyemak dan membuat ulasan pertama dalam masa 10 hari selepas dokumen lengkap diperolehi. - Mengemukakan draf pertama semakan perjanjian/dokumen kepada PI BDPKS untuk semakan.	
PI BDPKS	- Menyemak ke atas draf perjanjian/dokumen yang disediakan dalam masa 7 hari dari tarikh draf perjanjian/dokumen diterima. - Memberi arahan untuk menyediakan ulasan tambahan jika perlu.	
PKPI/PPI	Memberi arahan untuk mendapatkan maklumat/dokumen tambahan dalam	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
	masa 3 jam dari arahan menyediakan ulasan tambahan.	
KU/PI	- Mengumpul maklumat/dokumen-dokumen yang berkaitan dalam masa 3 hari dari arahan diterima. - Mengemukakan fail bersama maklumat/dokumen yang dikumpul kepada PKPI/PPI yang berkenaan.	
PKPI/PPI/ KU/PI	- Menyediakan ulasan tambahan ke atas draf dokumen dalam masa 4 hari dari tarikh maklumat/dokumen lanjut diperolehi. - Mengemukakan ulasan tambahan ke atas draf perjanjian/dokumen kepada PI BDPKS untuk semakan.	
PI BDPKS	Menyemak dan meluluskan draf semakan perjanjian/dokumen yang disediakan oleh PKPI/PPI dalam masa 3 hari dari tarikh draf perjanjian/dokumen dikemukakan.	
PT	- Mengemas kini dan menyimpan dokumen yang disemak ke dalam fail dalam masa 30 minit setelah diarahkan. - Menyerahkan fail kepada PKPI/PPI setelah tindakan dibuat.	
PKPI/PPI	Mengemukakan permohonan untuk menutup fail dalam masa 1 hari dari fail diterima.	
PI BDPKS	Mengarahkan fail ditutup dalam masa 5 hari dari tarikh permohonan tutup fail.	
PT	Menutup dan menyimpan fail dalam masa 30 minit dari arahan diterima.	

b. Carta Aliran Kerja Semakan Dokumen Undang-Undang (Isu Tidak Kompleks)



4.5.1.5 Gubalan/Pindaan Undang-Undang

a. Proses Kerja Gubalan/Pindaan Undang-Undang

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
PUU/PPUU Bahagian berkaitan	Menerima arahan daripada KPI tentang undang-undang yang perlu dipinda.	
JAWATANKUASA (PUU/PPUU Bahagian berkaitan)	- Menubuhkan Jawatankuasa Kajian Pindaan Undang-Undang. Jawatankuasa Kajian Pindaan Undang-Undang akan bersidang dari semasa ke semasa mengikut keperluan. - Menyediakan isu-isu pindaan undang-undang. - Mengkaji peruntukan undang-undang beberapa buah negara sebagai perbandingan. - Mengadakan perbincangan berkenaan isu-isu pindaan undang-undang.	
PUU/PPUU Bahagian berkaitan	- Menyediakan terma rujukan dan mengenal pasti isu dan peruntukan undang-undang yang berkenaan. - Mengkaji peruntukan undang-undang negara-negara lain atau perundangan tempatan yang berkenaan sebagai perbandingan. - Menetapkan polisi yang jelas terhadap perundangan yang ingin digubal. - Menyediakan draf pertama pindaan undang-undang.	
JAWATANKUASA (PUU/PPUU Bahagian berkaitan)	Memberi taklimat kepada Pengurusan Tertinggi untuk kelulusan.	
PUU/PPUU Bahagian berkaitan	- Jika Pengurusan Tertinggi tidak setuju: - Menjalankan kajian lanjut; dan	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
	(ii) Meminda draf pindaan undang-undang.	
JAWATANKUASA (PUU/PPUU Bahagian berkaitan)	- Memberi taklimat kepada Pengurusan Tertinggi untuk kelulusan selepas pindaan. - Jika Pengurusan Tertinggi setuju: (i) Mengadakan <i>consultative forum</i> dengan pihak-pihak berkepentingan mengikut keperluan. - Jika terdapat komen/ulasan daripada pihak berkepentingan: (i) Menganalisa ulasan dan cadangan pihak-pihak berkepentingan. - Memberi taklimat kepada Pengurusan Tertinggi untuk kelulusan selepas <i>consultative forum</i> diadakan.	
PUU/PPUU Bahagian berkaitan	- Jika Pengurusan Tertinggi tidak setuju: (i) Menjalankan kajian lanjut; dan (ii) Meminda draf pindaan undang-undang. - Menyediakan Nota Makluman kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selepas draf pindaan undang-undang diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi.	
KPI/TKPI	Memberi taklimat kepada YB Menteri di JPM untuk kelulusan.	
PUU/PPUU Bahagian berkaitan	- Jika YB Menteri tidak setuju: (i) Membuat kajian lanjut; dan (ii) Meminda draf pindaan undang-undang.	
JAWATANKUASA (PUU/PPUU Bahagian berkaitan)	Memberi taklimat kepada Pengurusan Tertinggi selepas pindaan untuk kelulusan.	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
KPI/TKPI	Memberi taklimat kepada YB Menteri di JPM selepas kajian lanjut.	
JAWATANKUASA (PUU/PPUU Bahagian berkaitan)	Jika YB Menteri setuju, menyediakan draf pindaan undang-undang.	
PT Bahagian berkaitan	Menyediakan memo dengan melampirkan 2 teks (Bahasa Inggeris dan Bahasa Kebangsaan) draf pindaan undang-undang untuk dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC).	
KPI/TKPI	Mengemukakan draf pindaan undang-undang kepada AGC untuk semakan dan kelulusan.	
PUU/PPUU Bahagian berkaitan	- Jika terdapat ulasan/komen daripada Jabatan Peguam Negara: - Menjalankan kajian lanjut; dan - Meminda draf Rang Undang-Undang berdasarkan ulasan dan pandangan undang-undang Bahagian Gubalan, AGC.	
JAWATANKUASA (PUU/PPUU Bahagian berkaitan)	Memberi taklimat kepada Pengurusan Tertinggi untuk kelulusan.	
PUU/PPUU Bahagian berkaitan	- Jika Pengurusan Tertinggi tidak setuju: - Membuat kajian lanjut; dan - Meminda draf undang-undang.	
JAWATANKUASA (PUU/PPUU Bahagian berkaitan)	Memberi taklimat kepada Pengurusan Tertinggi untuk kelulusan selepas pindaan.	
PUU/PPUU Bahagian berkaitan	Jika Pengurusan Tertinggi setuju atau tiada ulasan	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
	daripada Bahagian Gubalan, AGC: (i) Menyediakan Nota Makluman kepada YB Menteri di JPM.	
KPI/TKPI	Memberi taklimat kepada YB Menteri di JPM untuk kelulusan.	
PUU/PPUU Bahagian berkaitan	- Jika YB Menteri tidak setuju: - Membuat kajian lanjut; dan - Meminda draf pindaan undang-undang.	
JAWATANKUASA (PUU/PPUU Bahagian berkaitan)	Memberi taklimat kepada Pengurusan Tertinggi untuk kelulusan selepas pindaan.	
KPI/TKPI	Memberi taklimat kepada YB Menteri di JPM selepas kajian lanjut.	
PUU/PPUU Bahagian berkaitan	- Jika YB Menteri setuju: - Mengemaskini draf pindaan undang-undang selepas kelulusan YB Menteri di JPM.	
PT Bahagian berkaitan	Menyediakan memo dengan melampirkan draf pindaan undang-undang untuk dikemukakan kepada BDPKS untuk penyediaan Kertas Jemaah Menteri.	
PI BDPKS/ PKPI/PPI BDPKS	Menyediakan Kertas Jemaah Menteri berkaitan draf pindaan undang-undang.	
KPI/TKPI	Mengemukakan Kertas Jemaah Menteri kepada BHEUU untuk makluman.	
PUU/PPUU Bahagian berkaitan	- Jika terdapat komen/ulasan daripada Jemaah Menteri: - Membuat kajian lanjut; dan - Meminda Kertas Jemaah Menteri.	
JAWATANKUASA (PUU/PPUU Bahagian berkaitan)	Memberi taklimat kepada Pengurusan Tertinggi untuk kelulusan selepas pindaan.	


JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
PUU/PPUU Bahagian berkaitan	- Jika Pengurusan Tertinggi tidak setuju: - Menjalankan kajian lanjut; dan - Meminda draf Kertas Jemaah Menteri.	
JAWATANKUASA (PUU/PPUU Bahagian berkaitan)	Memberi taklimat kepada Pengurusan Tertinggi untuk kelulusan kepada pindaan.	
PUU/PPUU Bahagian berkaitan	Menyediakan Nota Makluman kepada YB Menteri di JPM selepas Kertas Jemaah Menteri diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi.	
KPI/TKPI	Memberi taklimat kepada YB Menteri di JPM untuk kelulusan.	
PUU/PPUU Bahagian berkaitan	- Jika YB Menteri tidak setuju: - Membuat kajian lanjut; dan - Meminda Kertas Jemaah Menteri.	
JAWATANKUASA (PUU/PPUU Bahagian berkaitan)	Memberi taklimat kepada Pengurusan Tertinggi untuk kelulusan selepas pindaan.	
PUU/PPUU Bahagian berkaitan	Menyediakan Nota Makluman kepada YB Menteri di JPM.	
KPI/TKPI	Memberi taklimat kepada YB Menteri di JPM selepas kajian lanjut.	
PUU/PPUU Bahagian berkaitan	- Menyediakan Kertas Jemaah Menteri selepas persetujuan YB Menteri. - Menyediakan semula Kertas Jemaah Menteri berkaitan draf pindaan undang-undang.	
PT Bahagian berkaitan	Menyediakan memo dengan melampirkan draf pindaan undang-undang untuk dikemukakan kepada BDPKS untuk penyediaan Kertas Jemaah Menteri.	


JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
KPI/TKPI	- Kemukakan semula Kertas Jemaah Menteri kepada BHEUU untuk makluman. - Kemukakan Kertas Jemaah Menteri kepada Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, JPM untuk kelulusan Jemaah Menteri.	
Jemaah Menteri	Meluluskan draf pindaan undang-undang.	
KPI/TKPI	Memaklumkan status kelulusan draf pindaan undang-undang.	
PT Bahagian berkaitan	Menyediakan memo dengan melampirkan draf bersih pindaan undang-undang kepada Bahagian Gubalan, AGC untuk cetakan naskhah biru.	
KPI/TKPI	Mengemukakan draf bersih pindaan undang-undang kepada Bahagian Gubalan, AGC.	
PI BDPKS/ PKPI/PPI BDPKS	- Memberikan arahan bagi menyediakan memo kepada Bahagian Gubalan, AGC untuk mengemukakan draf bersih rang undang-undang perundangan utama bagi tujuan semakan dan percetakan naskhah biru. - Mendapatkan tandatangan Menteri dalam Borang Pemberitahuan Rang Undang-Undang. - Mengemukakan Borang Pemberitahuan Rang Undang-Undang berhubung butiran pembentangan rang undang-undang perundangan utama kepada Setiausaha Dewan Rakyat (bagi pembentangan di Dewan Rakyat) dan Setiausaha Dewan Negara (bagi pembentangan di Dewan Negara) sekurang-kurangnya	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
	satu (1) hari sebelum tarikh pembentangan yang ditetapkan. - Menghubungi Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) bagi mendapatkan anggaran kos percetakan dan pewartaan rang undang-undang perundangan utama. - Membuat permohonan peruntukan kos percetakan dan pewartaan rang undang-undang perundangan utama untuk dibayar kepada PNMB daripada Jabatan.	
KPI/TKPI/PI BDPKS/PUU Bahagian berkaitan	- Menghadiri sebarang sesi penerangan yang berkaitan dengan Rang Undang-Undang perundangan utama yang akan dibentangkan di Parlimen. - Menghadiri pembentangan Rang Undang-Undang di Parlimen.	
JAWATANKUASA (PUU/PPUU Bahagian berkaitan)	- Jika Rang Undang-Undang tidak diluluskan atau ditarik balik: - Menjalankan kajian lanjut; dan - Meminda draf pindaan undang-undang.	
PT Bahagian berkaitan	Menyediakan memo dengan melampirkan Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Parlimen kepada Bahagian Gubalan, AGC untuk pewartaan.	
KPI/TKPI/PI BDPKS/PUU Bahagian berkaitan	Mengemukakan Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Parlimen kepada Bahagian Gubalan, AGC untuk pewartaan.	
BKP/BA/PI BDPKS/PUU Bahagian berkaitan	Memastikan segala kos perkhidmatan percetakan naskhah biru dan pewartaan rang undang-undang perundangan utama kepada PNMB telah dijelaskan.	
PI BDPKS	Mengarahkan fail ditutup.	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
PT	• Menutup dan menyimpan fail.	

b. Carta Aliran Kerja Gubalan/Pindaan Undang-Undang





4.5.1.6 Gubalan/Pindaan Perundangan Subsidiari

a. Proses Kerja Gubalan/Pindaan Perundangan Subsidiari


JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
PI BDPKS/PUU	Menerima arahan daripada KPI tentang perundangan subsidiari yang perlu dipinda.	
JAWATANKUASA (PUU/PPUU Bahagian berkaitan)	- Menubuhkan Jawatankuasa Kajian Pindaan Perundangan Subsidiari. Jawatankuasa Kajian Pindaan Perundangan Subsidiari akan bersidang dari semasa ke semasa mengikut keperluan. - Menyediakan isu-isu pindaan perundangan subsidiari. - Mengkaji peruntukan perundangan subsidiari beberapa buah negara sebagai perbandingan. - Mengadakan perbincangan berkenaan isu-isu pindaan perundangan subsidiari. - Menyediakan terma rujukan dan mengenal pasti isu dan peruntukan undang-undang yang berkenaan. - Mengkaji peruntukan undang-undang negara-negara lain atau perundangan tempatan yang berkenaan sebagai perbandingan. - Menetapkan polisi yang jelas terhadap perundangan yang ingin digubal. - Menyediakan draf pertama pindaan perundangan subsidiari. - Mengadakan <i>consultative forum</i> dengan pihak-pihak berkepentingan mengikut keperluan. - Jika terdapat komen/ulasan daripada pihak berkepentingan:	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
	(i) Menganalisa ulasan dan cadangan pihak-pihak berkepentingan. • Memberi taklimat kepada Pengurusan Tertinggi untuk kelulusan. • Jika Pengurusan Tertinggi tidak setuju: (i) Menjalankan kajian lanjut; dan (ii) Meminda draf pindaan perundangan subsidiari. • Memberi taklimat kepada Pengurusan Tertinggi untuk kelulusan selepas pindaan. • Menyediakan Nota Makluman kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selepas perundangan subsidiari diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi.	
KPI/TKPI	• Memberi taklimat kepada YB Menteri di JPM untuk kelulusan.	
JAWATANKUASA (PUU/PPUU Bahagian berkaitan)	• Jika YB Menteri tidak setuju: (i) Membuat kajian lanjut; dan (ii) Meminda draf perundangan subsidiari. • Memberi taklimat kepada Pengurusan Tertinggi selepas pindaan untuk kelulusan.	
KPI/TKPI	• Memberi taklimat kepada YB Menteri di JPM selepas kajian lanjut.	
PT	• Menyediakan memo dengan melampirkan 2 teks (Bahasa Inggeris dan Bahasa Kebangsaan) draf perundangan subsidiari untuk dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC).	
KPI/TKPI	• Mengemukakan draf pindaan perundangan subsidiari kepada	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
	AGC untuk semakan dan kelulusan.	
JAWATANKUASA (PUU/PPUU Bahagian berkaitan)	- Jika terdapat ulasan/komen daripada AGC: - Menjalankan kajian lanjut; dan - Meminda draf pindaan perundangan dan subsidiari berdasarkan ulasan dan pandangan undang-undang Bahagian Gubalan, AGC. - Memberi taklimat kepada Pengurusan Tertinggi untuk kelulusan. - Jika Pengurusan Tertinggi tidak setuju: - Membuat kajian lanjut; dan - Meminda draf perundangan subsidiari. - Memberi taklimat kepada Pengurusan Tertinggi untuk kelulusan selepas pindaan. - Jika Pengurusan Tertinggi setuju atau tiada ulasan daripada Bahagian Gubalan, AGC: - Menyediakan memo dengan melampirkan perundangan subsidiari untuk kelulusan YB Menteri.	
Menteri	Meluluskan draf pindaan undang-undang subsidiari.	
KPI/TKPI	Memaklumkan status kelulusan draf pindaan perundangan subsidiari.	
PT	Menyediakan memo dengan melampirkan perundangan subsidiari yang diluluskan oleh YB Menteri kepada Bahagian Gubalan, AGC untuk pewartaan.	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
KPI/TKPI/PI BDPKS	Mengemukakan perundangan subsidiari yang diluluskan oleh YB Menteri kepada Bahagian Gubalan, AGC untuk pewartaan.	
BKP/BA/PI BDPKS/ PUU/PPUU	- Menghubungi Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) bagi mendapatkan anggaran kos pewartaan rang undang-undang perundangan subsidiari. - Membuat permohonan peruntukan kos pewartaan rang undang-undang perundangan subsidiari untuk dibayar kepada PNMB daripada Jabatan. - Memastikan segala kos perkhidmatan percetakan naskhah biru dan pewartaan rang undang-undang perundangan utama kepada PNMB telah dijelaskan.	
PI BDPKS	Mengarahkan fail ditutup.	
PT	Menutup dan menyimpan fail.	

b. Carta Aliran Kerja Gubalan/Pindaan Perundangan Subsidiari




4.5.1.7 Penyediaan Jawapan Kepada Soalan-Soalan Parlimen

a. Proses Kerja Penyediaan Jawapan Kepada Soalan-Soalan Parlimen

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
PI BDPKS/ PKPI /PPI	- Menerima soalan-soalan Parlimen melalui emel daripada Sekretariat Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang/Penyelaras Parlimen. - Menentukan Bahagian yang bertanggungjawab untuk menyediakan draf jawapan. - Mengemel soalan-soalan tersebut kepada Pengarah Bahagian yang terlibat untuk penyediaan draf jawapan dalam tempoh yang ditetapkan.	
Pengarah Bahagian berkaitan	Mengemukakan draf jawapan kepada PI BDPKS/PKPI/PPI untuk tujuan penyelarasan dalam tempoh yang ditetapkan.	
PI BDPKS/ PKPI /PPI	Mengemukakan draf jawapan kepada KPI/TKPI untuk semakan dan kelulusan dalam tempoh yang ditetapkan.	
KPI	Menyemak dan meluluskan draf jawapan dalam tempoh yang ditetapkan.	
PI BDPKS/ PKPI/ PPI	Sekiranya draf jawapan tidak diluluskan, kemukakan semula kepada Pengarah Bahagian yang berkaitan yang terlibat untuk tindakan lanjut.	
Pengarah Bahagian berkaitan	Membuat pindaan mengikut arahan KPI.	
PI BDPKS/ PKPI/PPI	Mengemukakan semula draf jawapan kepada KPI untuk kelulusan.	
Pengarah Bahagian berkaitan/KPI	Pengarah Bahagian berkaitan menandatangani ruangan yang disediakan dalam fail.	
PI BDPKS/ PKPI/PPI	Mengemukakan fail beserta jawapan kepada Sekretariat Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang/Penyelaras	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
	Parlimen dalam tempoh yang ditetapkan.	
PT	Mendokumentasikan jawapan yang telah dimuktamadkan untuk rekod Bahagian dalam tempoh 3 hari dari tarikh penghantaran jawapan.	

b. Carta Aliran Kerja Penyediaan Jawapan Kepada Soalan-Soalan Parlimen




4.5.1.8 Penyediaan Kertas Jemaah Menteri

a. Proses Kerja Penyediaan Kertas Jemaah Menteri

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
PI BDPKS/ PKPI/PPI	- Menerima arahan daripada KPI untuk penyediaan Kertas Jemaah Menteri. - Mengumpul maklumat daripada Bahagian berkaitan. - Menyediakan draf Kertas Jemaah Menteri dalam tempoh masa yang ditetapkan.	Arahan Setiausaha Jemaah Menteri Bil. 1 Tahun 2008
TKPI/TKPP	Menyemak draf Kertas Jemaah Menteri dalam tempoh yang ditetapkan.	
PI BDPKS/ PKPI/PPI	Membuat pindaan kepada draf Kertas Jemaah Menteri dan kemukakan semula kepada TKPI/TKPP untuk semakan dalam tempoh yang ditetapkan.	
TKPI/TKPP	Menyemak semula draf Kertas Jemaah Menteri dalam tempoh yang ditetapkan.	
PI BDPKS/ PKPI/PPI	Sekiranya tiada pindaan, kemukakan Kertas Jemaah Menteri kepada KPI untuk semakan dan kelulusan.	
KPI	Menyemak dan meluluskan draf Kertas Jemaah Menteri.	
PI BDPKS/ PKPI/PPI	Sekiranya terdapat pindaan, membuat pindaan kepada draf Kertas Jemaah Menteri dan kemukakan semula kepada KPI.	
KPI	- Menyemak semula dan meluluskan draf Kertas Jemaah Menteri. - Mengemukakan Kertas Jemaah Menteri kepada YBM untuk persetujuan dan tandatangan. - Menerima keputusan YBM mengenai Kertas Jemaah Menteri. - Sekiranya diluluskan, mengedarkan Kertas Jemaah	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
	Menteri kepada Kementerian/ Jabatan yang berkenaan untuk ulasan. • Sekiranya tidak diluluskan, membuat pindaan mengikut arahan YBM. • Menerima ulasan dalam tempoh yang ditetapkan dan memberikan arahan lanjut.	
PI BDPKS/ PKPI/PPI	• Melaksanakan arahan yang diberikan oleh KPI. • Mengemukakan Kertas Jemaah Menteri kepada Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, JPM.	
PT	• Mendokumentasikan Kertas Jemaah Menteri yang lengkap dalam tempoh 3 hari dari tarikh penerimaan.	
PI BDPKS/ PKPI/PPI	• Memantau tarikh pembentangan Kertas Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan maklumkan kepada KPI.	
KPI	• Memaklumkan tarikh pembentangan Kertas Jemaah Menteri kepada YBM.	

b. Carta Aliran Kerja Penyediaan Kertas Jemaah Menteri




4.5.1.9 Penyediaan Ulasan Kertas Jemaah Menteri

a. Proses Kerja Penyediaan Ulasan Kertas Jemaah Menteri

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
PI BDPKS/ PKPI/PPI	- Menerima arahan daripada KPI untuk penyediaan Ulasan Kertas Jemaah Menteri. - Mengumpul maklumat daripada Bahagian berkaitan. - Menyediakan draf Ulasan Kertas Jemaah Menteri dalam tempoh masa yang ditetapkan.	Arahan Setiuasaha Jemaah Menteri Bil. 1 Tahun 2008
TKPI/TKPP	Menyemak draf Ulasan Kertas Jemaah Menteri dalam tempoh yang ditetapkan.	
PI BDPKS/ PKPI/PPI	Membuat pindaan kepada draf Ulasan Kertas Jemaah Menteri dan kemukakan semula kepada TKPI/TKPP untuk semakan dalam tempoh yang ditetapkan.	
TKPI/TKPP	Menyemak semula draf Ulasan Kertas Jemaah Menteri dalam tempoh yang ditetapkan.	
PI BDPKS/ PKPI/PPI	Sekiranya tiada pindaan, kemukakan draf Ulasan Kertas Jemaah Menteri kepada KPI untuk semakan dan kelulusan.	
KPI	Menyemak dan meluluskan draf Ulasan Kertas Jemaah Menteri.	
PI BDPKS/ PKPI/PPI	Sekiranya terdapat pindaan, membuat pindaan kepada draf Ulasan Kertas Jemaah Menteri dan kemukakan semula kepada KPI.	
KPI	- Menyemak semula dan meluluskan draf Ulasan Kertas Jemaah Menteri. - Mengemukakan Ulasan Kertas Jemaah Menteri kepada Kementerian/agensi yang memohon.	
PT	Mendokumentasikan Ulasan Kertas Jemaah Menteri yang	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
	lengkap dalam tempoh 3 hari dari tarikh penerimaan.	

b. Carta Aliran Kerja Penyediaan Ulasan Kertas Jemaah Menteri




4.5.2 PENGURUSAN PRESTASI DAN PENCAPAIAN JABATAN**4.5.2.1 Membuat Pemantauan Prestasi Cawangan Mdl Bagi Setiap Suku Tahun****a. Proses Kerja Membuat Pemantauan Prestasi Cawangan Mdl Bagi Setiap Suku Tahun**

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
KU/PI	- Mengeluarkan e-mel arahan pada minggu terakhir bulan Mac, Jun, September dan Disember kepada BK, BL, BM dan BPP untuk mengemukakan maklumat pencapaian prestasi bahagian beserta ulasan ketidakcapaian pada 7 haribulan berikutnya. - Mengeluarkan e-mel peringatan pada hari berikutnya sekiranya BK, BL, BM dan BPP lewat mengemukakan maklumat pencapaian prestasi cawangan yang perlu dikemukakan dalam tempoh 1 hari. - Mengumpul dan menyemak templat pencapaian prestasi cawangan yang telah diterima. - Mengemukakan templat Prestasi Cawangan kepada PI BDPKS/PKPI/PPI untuk arahan lanjut dalam tempoh 3 hari.	
PI BDPKS/ PKPI/PPI	Menghantar Laporan Pencapaian Prestasi Cawangan untuk ulasan TKPI dalam tempoh 1 hari daripada tarikh templat lengkap diterima.	
TKPI	Memberi ulasan Laporan Pencapaian Prestasi Cawangan dalam tempoh 1 hari dari tarikh penerimaan.	
PI BDPKS/ PKPI/PPI	Mengemukakan Laporan Pencapaian Prestasi Cawangan untuk kelulusan KPI serta merta.	
KPI	Meluluskan Laporan Pencapaian Prestasi Cawangan dalam tempoh 2 hari dari tarikh penerimaan.	
KU/PI	Mendokumentasikan laporan pencapaian prestasi cawangan dalam bentuk slaid untuk	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
	pembentangan semasa Mesyuarat Pengarah Insolvensi Negeri (SDM). • Pembentangan pencapaian prestasi Bahagian dalam SDM.	

c. Carta Aliran Kerja Membuat Pemantauan Prestasi Cawangan Mdl Bagi Setiap Suku Tahun




4.5.2.2 Perancangan Sasaran Kerja Tahunan Mdl

a. Proses Kerja Perancangan Sasaran Kerja Tahunan Mdl

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
PI BDPKS/ PKPI/PPI	Memohon kelulusan KPI terhadap cadangan tarikh mesyuarat, agenda dan senarai peserta pada minggu keempat November.	
KU/PI	- Mengumpul maklumat pencapaian sasaran kerja tahunan tahun semasa dan cadangan sasaran kerja tahunan tahun akan datang daripada semua Bahagian dalam minggu pertama Disember. - Menyelaraskan maklumat mengenai pencapaian sasaran kerja tahunan tahun semasa dan cadangan sasaran kerja tahunan tahun akan datang bagi semua Bahagian dalam minggu pertama/dua Disember.	
PI BDPKS/ PKPI/PPI	Mengadakan pra-mesyuarat di peringkat Ibu Pejabat pada minggu kedua/ketiga Disember untuk memuktamadkan cadangan sasaran kerja tahunan tahun akan datang.	
Bahagian Berkaitan	- Pembentangan Sasaran Kerja Tahunan Mdl dalam Mesyuarat Perancangan Sasaran Kerja Tahunan Mdl. - Membuat pindaan (sekiranya ada) pada Sasaran Kerja Tahunan Mdl berdasarkan keputusan mesyuarat.	
KU/PI	Menyelaras Sasaran Kerja Tahunan setiap Bahagian yang telah dimuktamadkan untuk kelulusan KPI.	
KPI	Menyemak dan meluluskan Sasaran Kerja Tahunan Bahagian.	
KU/PI	- Edaran salinan Sasaran Kerja Tahunan Mdl yang telah diluluskan kepada Pengarah Bahagian dalam tempoh masa 3 hari dari kelulusan KPI. - Mendokumentasikan Sasaran Kerja Tahunan Mdl untuk tujuan rekod	

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
	Bahagian dalam tempoh masa 3 hari dari kelulusan KPI.	

b. Carta Aliran Kerja Perancangan Sasaran Kerja Tahunan Mdl




4.5.2.3 Keurusetiaan Bagi Mesyuarat-Mesyuarat Utama Mdl

a. Proses Kerja Keurusetiaan Bagi Mesyuarat-Mesyuarat Utama Mdl

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
KU/PI	- Menghantar e-mel jemputan beserta agenda mesyuarat kepada semua ahli mesyuarat terlibat mengikut tarikh yang ditetapkan dalam takwim dalam tempoh 2 minggu sebelum tarikh mesyuarat. - Membuat edaran dokumen mesyuarat melalui e-mel kepada ahli mesyuarat 3 hari sebelum tarikh mesyuarat. - Mencetak maklum balas, minit mesyuarat dan slaid pembentangan untuk dikemukakan kepada KPI, TKPI dan TKPP dan tempoh 3 hari sebelum tarikh mesyuarat. - Menghadiri mesyuarat dan mengambil minit mesyuarat. - Menyediakan draf minit mesyuarat dalam tempoh 7-14 hari selepas tarikh mesyuarat. - Menghantar draf minit mesyuarat dan maklum balas kepada semua ahli mesyuarat bagi tujuan semakan dan pengesahan dalam tempoh 7-14 hari selepas tarikh mesyuarat.	
Pengarah/ PIN/KC	Memberikan pengesahan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan minit mesyuarat.	
KU/PI	Menerima dan mengemas kini maklum balas dan minit mesyuarat.	
PI BDPKS/ PKPI/PPI	Memuktamadkan maklum balas dan minit mesyuarat.	
KU/PI	Mengedarkan minit mesyuarat dan maklum balas yang telah dimuktamadkan kepada ahli mesyuarat.	
PT	Mendokumentasikan minit mesyuarat dan maklum balas untuk rekod Bahagian dalam tempoh 3 hari dari tarikh edaran minit mesyuarat dan maklum balas.	

b. Carta Aliran Kerja Keurusetiaan Bagi Mesyuarat-Mesyuarat Utama Mdl




4.5.2.4 Pemantauan Penghantaran Laporan Bulanan Pegawai Undang-Undang

a. Proses Kerja Pemantauan Penghantaran Laporan Bulanan Pegawai Undang-Undang

JAWATAN	PROSES	SEKSYEN UNDANG-UNDANG/PERATURAN
KU/PI	• Mengeluarkan e-mel makluman untuk mengemukakan Laporan Bulanan Pegawai Undang-Undang (PUU) pada 1 hari bulan setiap bulan. • Menerima, mengumpul dan menyelaras Laporan Bulanan PUU. • Mengeluarkan e-mel peringatan sekiranya terdapat PUU yang tidak mengemukakan Laporan Bulanan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan (sebelum atau pada 7 hari bulan setiap bulan). • Mengemukakan e-mel peringatan kedua kepada PUU yang masih belum mengemukakan laporan PUU pada setiap 9 hari bulan. • Menghantar Laporan Bulanan PUU kepada Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara dan disalinkan kepada KPI, TKPI dan PI BDPKS pada atau sebelum 10 hari bulan setiap bulan. • Mendokumentasikan Laporan Bulanan PUU untuk rekod bahagian dalam bentuk <i>soft copy</i>.	

